



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA TERBUKA

Tawaran adalah dipelawa secara terbuka kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** terbuka kepada semua bertaraf Bumiputera dan bukan Bumiputera berikut bagi menyertai sebut harga ini::

Tajuk Sebut Harga	Kod Pengkhususan	Tarikh Tutup Sebut Harga	Taklimat Sebut Harga
SEBUT HARGA MEMBANGUNKAN, MENGUJILARI, DAN MENTAULIAH APLIKASI CMS, PORTAL DAN MOBILE APPS BERNAMA IMAGES NO. RUJUKAN : BER/SH/08/2025	210104 - Software/ System Development/ Customization and Maintenance Including Data Entry, Data Processin	27 Mei 2025 (Selasa) jam 12.00 tengah hari Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan	19 Mei 2025 (Isnin) Kehadiran digalakkan

Dokumen sebut harga boleh didapati mulai tarikh **19 Mei 2025 (Isnin) selepas sesi taklimat** di laman web portal MyVendor BERNAMA. Syarikat juga wajib berdaftar sebagai pembekal BERNAMA di laman web <https://myvendor.bernama.com/login> bagi menyertai sebut harga ini.

Satu sesi **taklimat** akan diberikan kepada syarikat dan kehadiran syarikat adalah **digalakkan**. Hanya nama yang berdaftar dalam Sijil Akuan Pendaftaran Sijil Kementerian Kewangan Malaysia sahaja dibenarkan menyertai sesi taklimat. Taklimat akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 19 Mei 2025 (Isnin)
 Masa : 10.30 pagi
 Tempat : Taklimat Atas Talian

Syarikat perlu mengisi borang pengesahan kehadiran taklimat (**Borang Pengesahan Kehadiran Taklimat Sebut Harga**) dan diemelkan kepada Urus Setia Perolehan selewat-lewatnya sebelum **19 Mei 2025 (Isnin)**.

Syarikat wajib mengemukakan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia yang masih aktif untuk menghadiri taklimat. Hanya syarikat yang mempunyai kod bidang berkaitan sahaja layak menyertai sebut harga ini.

Syarikat perlu memuatnaik dokumen tawaran berserta dokumen-dokumen sokongan di laman web MyVendor BERNAMA **dan** menghantar secara manual dalam peti sebut harga pada atau **sebelum jam 12.00 tengah hari, 27 Mei 2025 (Selasa)** di alamat berikut:

Bahagian Perolehan
Tingkat 6, Wisma BERNAMA
28, Jalan BERNAMA,
Off Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur
(u.p : Urus Setia Perolehan BERNAMA)
No Tel : 03-2631 1685
E-mel : haniiah.ahya@bernama.com

Syarikat yang memerlukan sebarang penjelasan lanjut mengenai dokumen Sebut Harga boleh berhubung secara bertulis melalui surat rasmi yang di e-mel kepada alamat di atas.

Tawaran Sebut Harga yang lewat dikemukakan dan kelewatan menghantar dokumen sokongan seperti mana Arahan Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan.